



BULETIN MPSPK

Edisi 2021 Vol 2

KEDAH SEJAHTERA NIKMAT UNTUK SEMUA

Edaran Percuma

www.mpspk.gov.my



Bersama
Hentikan
Wabak
COVID-19

MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI
Sungai Petani Municipal Council



04 Lawatan Kerja PM ke kawasan Bencana Kepala Air, Merbok



14 Executive Talk Perundangan Perancangan Bersama Ahli-Ahli Majlis PBT Negeri Kedah



16 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020

EDITORIAL

Pengerusi/Penaung
Tuan Haji Syed Khairol Anuar bin Syed Abidin
AMK.,BCK.,ASK.,
Yang Dipertua, MPSPK

Penasihat
Sunita binti Abdul Aziz
AMK., BCK.,
Setiausaha, MPSPK

Editor
Faten binti Sobri
Ketua Bahagian Perhubungan Awam & Korporat

Penulisan
BPAK

Arahan Seni & Fotografi
Armin Anuar

04 Lawatan PM Dato' Sri Ismail Sabri ke kawasan bencana kepala air Merbok

14 Program Executive Talk Perundungan bersama Ahli-ahli Majlis PBT Kedah

16 Hari Keluarga dan Majlis APC MPSPK 2020

ISI KANDUNGAN

- 01 Editorial
- 02 Perutusan Yang Dipertua
- 03 Berita Ringkas
- 04 Lawatan PM Dato' Sri Ismail Sabri ke kawasan Bencana kepala air di Merbok
- 06 Kunjungan KDYMM Sultan Kedah ke Tanjung Dawai
- 08 Sumbangan Anak Merdeka/ Penanaman Pokok Bakau
- 10 Penilaian Semula Status Jerai Geopark
- 12 Lawatan Kerja Menteri Pembangunan Luar Bandar ke Tanjung Dawai
- 14 Program Executive Talk Perundungan Perancangan bersama Ahli-Ahli Majlis PBT Kedah
- 15 Hari Keluarga MPSPK dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020

MPSPK
Majlis Perbandaran Sungai Petani
Jalan Patani,
08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman

Tel 04-4296666
Faks 04-4296655/56
Aduan 04-4296700

<http://www.mpspk.gov.my/>
<http://eaduan.mpspk.gov.my/>
<https://www.facebook.com/Majlis-Perbandaran-Sungai-Petani>
<http://www.youtube.com/Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah>

Buletin ini diterbitkan oleh:
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM & KORPORAT (BPAK)

17 Infografik Vaksinasi: Apakah Jenis-Jenis Vaksin

18 Ragam MPSPK

Panduan: Vaksinasi COVID-19

Sebelum vaksinasi

- Pastikan anda sihat dan mendapat rehat yang cukup
 - Jangan hadir ke jantji temu vaksinasi sekiranya anda tidak sihat atau sakit
 - Janji temu anda boleh dijadual semula
- Makan dan minum secukupnya
- Ini akan membantu anda mengatasi kegelisahan dan ketidaksesuaian sepanjang proses vaksinasi
- Sila ambil maklum tentang vaksin dan kemungkinan berlakunya kesan sampingan
 - Baca pengalaman penerima vaksin lain untuk mengetahui apa yang diharapkan
 - Anda boleh bawa bersama paracetamol sebagai langkah berjaga-jaga untuk menangani kesan sampingan biasa



vaksincovid.gov.my

LINDUNG DIRI,
LINDUNG SEMUA.

JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES
BEKALAN VAKSIN COVID-19 (JKAV)





Bersyukur ke hadrat illahi dengan limpah kurnia-Nya Buletin 2021 vol 2 dapat disediakan.

Sesungguhnya tahun 2021 menjadi tahun yang mencabar kepada MPSPK dan juga agensi-agensi yang berkaitan ekoran Tragedi kepala air Gunung Jerai. Tragedi yang berlaku pada 18 Ogos 2021 itu meninggalkan kesan yang mendalam kepada penduduk Taman Lembah Merbok dan juga penduduk di daerah Yan. Fenomena tersebut telah mengorbankan 6 nyawa serta mengakibatkan lebih 2000 orang penduduk yang terjejas.

Oleh itu, MPSPK telah memberikan sepenuh kerjasama dalam membantu penduduk yang terjejas. Bantuan dari segi logistik dan juga tenaga kerja diberikan bagi meringankan beban yang dialami oleh penduduk disamping bantuan juga diberikan dalam bentuk barang asas keperluan hidup.

Limpahan air selut menyaksikan lagi betapa banyak harta benda yang musnah. Saya amat bersimpati atas tragedi yang berlaku dan sesungguhnya kejadian alam tidak mampu kita bayangkan. Tragedi tersebut mendapat banyak perhatian daripada pelbagai pihak yang akan membantu dari segi penambahbaikan infrastruktur serta kemudahan lain.

Setiap yang pahit pasti ada manisnya. Pada tahun 2021 juga MPSPK terlibat dalam penilaian semula Jerai Geopark Kedah dan semestinya pengharapan MPSPK adalah agar Jerai Geopark diiktiraf bagi mengangkat industri pelancongan daerah Kuala Muda. Marilah kita bersama-sama berdoa agar Jerai Geopark diiktiraf di persada antarabangsa!

Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada editorial atas penerbitan Buletin ini. Tidak lupa kita perlu sentiasa berwaspada dengan wabak COVID-19 ini walaupun kita bakal sampai ke fasa endemik janganlah kita lupa pada disiplin kebersihan dan sentiasa patuh SOP dan mengamalkan kawalan kendiri.

Tuan Haji Syed Khairol Anuar bin Syed Abidin
AMK.,BCK.,ASK.,
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Sungai Petani

INFO/TALIAN MPSPK



JQM UPDATE

KINI PROSES KEMASKINI BUTIRAN PREMIS
MENJADI LEBIH MUDAH DENGAN
MENGGUNAKAN SISTEM JQM UPDATE

JOM BERSAMA-SAMA
MENGEMASKINI
DATA CUKAI TAKSIRAN ANDA
&
BERPELUANG MEMENANGI
HADIAH MISTERI



IMBAS DISINI

- | | |
|---|---|
| 01 SEKSYEN LETAK KERETA
04-429 6665 | 06 JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN
04-429 6738 |
| 02 JABATAN KEWANGAN
04-429 6751 | 07 JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
04-429 6774 |
| 03 JABATAN PENILAIAN &
PENGURUSAN HARTA
04-429 6701 | 08 JABATAN LANSKAP & REKREASI
04-429 6787 |
| 04 JABATAN PERANCANG BANDAR
04-429 6652 | 09 JABATAN PENGUATKUASAAN
04-429 6780 / 81 |
| 05 JABATAN KEJURUTERAAN
04-429 6629 | 10 JABATAN BANGUNAN
04-429 6676
04-429 6689 |

TERIMA KASIH

KEPADА PEMILIK HARTA YANG TELAH MENJELASKAN
CUKAI TAKSIRAN ANDA UNTUK TAHUN 2021



SUMBANGAN BENCANA KEPALA AIR GUNUNG JERAI



30/08/2021

Taman Lembah Merbok

Susulan dari tragedi limpahan kepala air Gunung Jerai, Pihak MPSPK telah menyalurkan bantuan berupa barang-barang asas keperluan hidup untuk setiap keluarga mangsa.

Sumbangan disempurnakan oleh Tuan Haji Syed Khairol Anuar bin Syed Abidin, YDP Majlis Perbandaran Sungai Petani. Puan Sunita binti Abdul Aziz, Setiausaha MPSPK, Encik Mohd Amin bin Ali, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat juga selaku pegawai penyelaras Zon 12, Encik Mohd Izham bin Mohd Shukri, Ahli Majlis MPSPK.

Program Penukaran Tong Sampah



21/10/2021

Taman Rekreasi, Bandar Perdana

Syarikat Environment Idaman (E-Idaman) telah mengadakan Program Penukaran Tong Sampah khas untuk penduduk di sekitar Bandar Perdana Sungai Petani.

Sekitar 3,000 unit tong sampah telah ditukar oleh penduduk setempat. Turut hadir, Puan Salmah binti Salleh, Ahli Majlis Zon 3 dan Puan Juliana binti Abdul Ghani, Ahli Majlis Zon 6.

Pihak E-Idaman turut sama mempromosikan amalan 3R iaitu Reduce, Reuse dan Recycle ke arah meningkatkan kadar kesedaran kitar semula negara.

Tidak ketinggalan bantuan kerajaan Negeri Kedah kepada keluarga yang kehilangan nyawa akibat kejadian itu, kerajaan negeri akan menghulurkan bantuan berjumlah RM5,000 seperti yang diumumkan oleh Menteri Besar Kedah Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi Md Nor menerusi kenyataan akhbar baru-baru ini.



Majlis Penutupan PPV Dewan Kenangan



04/10/2021

Dewan Kenangan, Menara MPSPK

PPV Dewan Kenangan mula dibuka pada 11 April 2021 dan telah berjaya memberikan 147,225 dos suntikan sepanjang tempoh operasi.

Pengoperasian PPV ini adalah hasil kerjasama Kerajaan Negeri Kedah, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Protect Health.

Majlis dihadiri oleh YB Dr. Robert Ling Kui Ee, merangkap ADUN Sidam. Turut mengiringi beliau adalah Dato' Haji Abdullah bin Haji Hashim, Pegawai Daerah Kuala Muda merangkap Pengarah Badan Bertindak Imunisasi Covid 19 (CITF) Daerah Kuala Muda bersama YDP Tuan Haji Syed Khairol Anuar bin Syed Abidin.



LAWATAN PM KE KAWASAN BENCANA KEPALA AIR

23/08/2021
Tupah, Merbok

Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob melakukan lawatan rasmi luar pertama beliau ke Merbok, Kedah bagi meluangkan masa hampir sejam meninjau tempat tragedi kepala air dan banjir lumpur, di Tupah.

Dato' Sri Ismail Sabri yang tiba jam 12:15 tengah hari turut sama diiringi oleh Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi Md Nor, Pegawai Daerah Kuala Muda, Dato' Haji Abdullah Hashim serta Yang Dipertua Tuan Haji Syed Khairol Anuar bin Syed Abidin.

Sejurus tiba, Perdana Menteri meninjau Jambatan Sungai Tupah yang rosak akibat dihentam balak hanyut, dan diberi penerangan berkaitan bencana kepala air di kawasan Kuala Muda.



Beliau kemudian meluangkan masa menziarah beberapa penduduk Taman Lembah Merbok yang terjejas akibat bencana itu dan turut sama memberikan sumbangan.

Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi Md Nor berkata, pihaknya juga mengalu-alukan pengumuman Perdana Menteri bahawa kerajaan persekutuan menerusi Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan menyalurkan peruntukan bagi membaik pulih rumah penduduk terjejas dengan dana yang berjumlah RM3 juta.

Menurutnya, kerajaan negeri menghargai kesudian Dato' Sri Ismail Sabri melakukan lawatan sehari ke negeri tersebut khususnya melawat kawasan bencana banjir lumpur di kawasan yang terjejas.



LAWATAN KDYMM SULTAN KEDAH KE TJ DAWAI

16/09/2021

Kampung Huma, Tanjung Dawai



Kebawah DYMM Tuanku Sultan Kedah, Sultan Sallehudin Ibni Almarhum Sultan Badlishah berkenan berangkat ke Daerah Kuala Muda untuk lawatan rasmi ke persisiran pantai Kampung Huma, Tanjung Dawai.

Kunjungan Tuanku Sultan ke kawasan perkampungan ini adalah untuk meninjau kedaan persisiran pantai selain menikmati keindahan dan ketenangan disini.

Ketibaan Tuanku Sultan disambut Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Dato' Paduka Ammar Dato' Shaikh Mahmood Naim, Timbalan Setiausaha (Pembangunan) YBhg. Dato' Haji Norizan Bin Khazali, Pegawai Daerah Kuala Muda, Dato' Haji Abdullah Hashim dan Yang Dipertua MPSPK, Tuan Syed Khairil Anuar Syed Abidin.

Aturcara lawatan ini bermula pada jam 11:30 pagi, dengan taklimat ringkas oleh Pegawai Daerah Kuala Muda Dato' Haji Abdullah Hashim berkenaan status terkini keadaan sekitar persisiran Pantai Kampung Huma.

Tuanku Sultan berserta rombongan telah berkenan meluangkan masa hampir dua jam dalam mendengar serta membuat tinjauan di sekitar kawasan Kampung Huma ini.

Baginda turut diberikan taklimat berkenaan bencana kepala air yang melanda di sekitar kawasan Tupah, Merbok dan Gurun serta taklimat berkenaan cadangan penyusunan semula penjaja dan gerai di sekitar Kampung Huma, Tanjung Dawai.





1

1. Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Dato' Paduka Ammar Dato' Shaikh Mahmood Naim dan Pengarah Tanah dan Galian Kedah, Tuan Haji Mohd Fauzi Mustaffa tekun mendengar cerita Tuanku Sultan Kedah.

2. Pegawai Daerah Kuala Muda Dato' Haji Abdullah Hashim memberikan taklimat ringkas kepada Tuanku Sultan Kedah.

3. YDP MPSPK Tuan Haji Syed Khairul Anuar dan Setiausaha Puan Sunita merakam gambar kenangan bersama ketua bahagian dan kakitangan MPSPK ketika majlis persiapan.

2





PROGRAM PEMBERIAN SUMBANGAN ANAK MERDEKA

11-12/10/2021
Sekitar Kuala Muda

Pemberian sumbangan ini adalah inisiatif MPSPK untuk memilih seramai 16 orang Anak Merdeka yang dilahirkan pada tanggal 31 Ogos 2021.

Pemberian sumbangan berupa sijil premium Bank Simpanan Nasional (BSN) berjumlah RM100.00 telah disempurnakan oleh Setiausaha MPSPK, Puan Sunita Abdul Aziz. Turut bersama menyertai program tersebut adalah Pengarah Jabatan Kewangan serta Ketua-ketua Bahagian MPSPK.





PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU

24/10/2021

Kompartiment 10, Hutan Simpan Sungai Merbok



Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan bersama Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah dengan kerjasama Jabatan Perhutanan telah mengadakan Program Penanaman Pokok Bakau di Kompartiment 10, Hutan Simpan Sungai Merbok.

Hadir memeriahkan majlis adalah Puan Sunita binti Abdul Aziz, Setiausaha MPSPK barisan Ahli Majlis MPSPK, kakitangan Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Muda serta Jabatan Pengairan dan Saliran, pengarah serta ketua bahagian dalaman dan kakitangan MPSPK.

Sebanyak 1000 batang pokok telah ditanam bagi memulihara serta meningkatkan biodiversiti ekosistem marin di Sungai Merbok.





PENILAIAN SEMULA JERAI GEOPARK KEDAH

Sekitar Kuala Muda dan Yan, 03/11/2021



Kewujudan Jerai Geopark memberikan rasa bangga dan jatidiri masyarakat setempat tentang rupa bentuk persekitaran yang unik dan menarik, nilai semulajadi struktur geologi yang patut dihargai, dipelihara setanding dengan nilai geowarisian yang tidak boleh diperbaharui untuk dikongsi bersama masyarakat dari luar Daerah Yan dan juga Kuala Muda.

Jerai Geopark berupaya menarik ramai pelancong ke Negeri Kedah dan sekaligus menyemarakkan industri pelancongan di utara Semenanjung Malaysia. Justeru Jerai Geopark mesti diketengahkan ke persada dunia melalui penilaian semula oleh pakar-pakar yang berkaitan.

Pelbagai langkah yang telah diambil dan akan diambil sedang dijalankan termasuk mendapatkan penilaian dari Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia (JMG) Kedah/Perlis dan Pulau Pinang yang turun padang untuk melihat sendiri beberapa tempat di Daerah Yan dan Kuala Muda yang telah dijadikan tapak geopark di negeri Kedah ini.

Dalam rangka lawatan sehari para penilai tersebut disertai oleh Pengurus Jawatankuasa Pelaksana Geopark Kebangsaan, Profesor Datuk Mokhtar Saidin; Ketua Pusat Pembangunan Komuniti Lestari (SCDC) UiTM Shah Alam, Dr. Mohd Salleh Daim; Pengarah Bahagian Forrest Eco Park dan Hutan Taman Negeri Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Mohd Yussainy Md Yusop; Timbalan Pengarah Pembangunan Sektoral BPEN, Faisal Rizal Mohammad.





1. Bagi melicinkan perjalanan program, pihak MPSPK turut membekalkan bot pelancongan untuk menelusuri Sungai Merbok hingga ke Pulau Telor.
2. Profesor Datuk Mokhtar Saidin memberi penerangan ringkas kepada salah seorang panel penilai di Kampung Budaya Pasar Bisik - Kuala Muda.
3. Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat, MPSPK Encik Mohd Amin Ali memberikan serba sedikit taklimat kepada semua para tetamu dan panel penilai di tapak penilaian.





LAWATAN KERJA MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR KE TANJUNG DAWAI

07/11/2021

Kampung Huma, Tanjung Dawai

Menteri Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Seri Mahdzir bin Khalid, telah melawat ke beberapa lokasi di Daerah Kuala Muda. Antara kawasan terlibat adalah sekitar Kampung Huma, Arked MPSPK Tanjung Dawai, sekitar Pekan Tanjung Dawai, Desa Keda Bukit Tukang Jusoh dan Pasar Bisik, Kuala Sungai Muda.

Turut mengiringi beliau adalah YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail, Pengurus Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) merangkap Pengurus Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Sains, Teknologi dan Inovasi serta Pengajian Tinggi dan Dato' Ramli bin Harun, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar.



Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) menerusi agensinya Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) membelanjakan RM2.5 juta bagi projek ameniti sosial di seluruh negeri Kedah untuk tahun ini.

Menurut Menteri Pembangunan Luar Bandar, YB Dato' Seri Mahdzir Khalid, peruntukan itu lebih tinggi berbanding tahun 2020 iaitu hanya RM1.5 juta.

KEDA telah menyalur peruntukan sebanyak RM2.5 juta kepada 77 kategori kerja. Sebanyak 67 kategori kerja telah siap manakala selebihnya sedang dalam pelaksanaan. Antara projek ameniti sosial itu termasuk menaiktaraf dan baikpulih longkang, baikpulih dewan serbaguna dan surau serta menurap ruang parkir dewan.



1



1. YB Dato' Seri Mahdzir bin Khalid diiringi oleh YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail meninjau persekitaran Jeti Tanjung Dawai

2. YB Dato' Seri Mahdzir bin Khalid tidak melepaskan peluang beramah mesra bersama peniaga-peniaga di Arked Tanjung Dawai.

3. Pegawai Daerah Kuala Muda Dato' Haji Abdullah bin Haji Hashim memberikan sedikit taklimat ringkas kepada YB Dato' Seri Mahdzir bin Khalid.



3





PROGRAM EXECUTIVE TALK PERUNDANGAN PERANCANG BERSAMA AHLI² MAJLIS PBT KEDAH

11/11/2021

Raia Hotel, Alor Setar



Program Executive Talk Perundangan Perancangan (Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 [Akta 172]) anjuran PLANMalaysia Bersama PLANMalaysia Kedah, Bahagian Kerajaan Tempatan serta Bahagian Istiadat dan Pengurusan Majlis, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah bertujuan memberi hebatan kepada Ahli-Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Kedah berkaitan peranan dan fungsi perancangan khususnya melibatkan perkara-perkara berkaitan peruntukan Akta 172 dalam memacu, menggalakkan dan mengawal pembangunan bagi mencapai pembangunan mampan di Kawasan PBT.

Program ini juga diadakan sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2021 Peringkat Negeri Kedah dengan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan peserta-peserta program hendaklah lengkap dua dos suntikan vaksin COVID-19.

Program diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Berbahagia Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan seterusnya ucaptama oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor, Menteri Besar Kedah.

Program diakhiri dengan penyampaian Anugerah Bandar Mampan Tahun 2020 Peringkat Negeri Kedah dan penyampaian cenderahati.





1

1. Ucaptama oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor, Menteri Besar Kedah kepada semua tetamu.
2. Foto kenang-kenangan semua Ahli-ahli Majlis MPSPK yang berkesempatan hadir memenuhi jemputan.
3. Yang Dipertua MPSPK Tuan Haji Syed Khairol Anuar Syed Abidin bersama Setiausaha Puan Sunita Bt Abd Aziz ke pentas utama menerima sijil penghargaan Anugerah Bandar Mampan dari MB Kedah, Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi Md Nor.



2





HARI KELUARGA & ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG

29/12/21
Dewan Kenangan



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Hari Keluarga MPSPK 2021 telah diadakan bagi meraikan warga kakitangan MPSPK yang berkhidmat dengan cemerlang pada tahun 2020. Majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Dipertua Tuan Syed Khairol Anuar Syed Abidin.

Majlis ini turut dimeriahkan dengan kehadiran tetamu kehormat iaitu Presiden Cuepacs, Datuk Adnan Mat.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini adalah selaras dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 tahun 2002 dan penganugerahan ini merupakan satu pengiktirafan kepada pegawai atau kakitangan MPSPK yang menunjukkan prestasi yang cemerlang pada sepanjang tahun dinilai.

Semua penerima APC menerima Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan hadiah wang tunai berjumlah RM1000 yang akan dikreditkan ke dalam akaun gaji penerima anugerah.

Majlis Anugerah Cemerlang diadakan bagi mengiktiraf sumbangan kakitangan kepada MPSPK. Penghargaan ini juga bertujuan menjadikan anggota berkenaan sebagai contoh kepada lain-lain anggota untuk sama-sama meningkatkan lagi perkhidmatan demi mencapai matlamat organisasi.

Tahniah diucapkan kepada kakitangan yang menerima anugerah. Semoga pemberian anugerah ini akan menjadi penggerak transformasi dan peneraju perubahan positif dalam membudayakan kecemerlangan kakitangan MPSPK.





Senarai Nama Penerima APC 2020

- | | |
|--|---|
| 1. Tn Haji Wan Ahmad Fuad B. Wah Yahya | 23. Mohd Shahrel B. Wan |
| 2. Nurazreen Bt. Daud | 24. Noor Ariff B. Abd Jalil |
| 3. Muh Adenan B. Maka | 25. Nur Suraya Bt Mat Yusof |
| 4. Ku Muhamad Aqil Arif B. Ku Hashim | 26. Azroll B. Jelani |
| 5. Norashidah Bt. Abu Bakar | 27. Mohd Ariff B. Abdul Rahim |
| 6. Nur Ayuni Fazira Bt. Kamardin | 28. Mohd Fauzi B. Harun |
| 7. Muhammad Fahmi Reza B. Ahmad Nizar | 29. Mohd Fikri B. Ahmad |
| 8. Muhamad Faizal B. Samso-deen | 30. Mohd Rozaimi B Mat Saad |
| 9. Mohamad Arif Fakharuddin B. Azis | 31. Romizan B.Ilias @ Hashim |
| 10. Nur Suriani Bt. Sobri | 32. Rosedi B. Omar |
| 11. Nurulain Bt. Ahmad | 33. Shahlunizar B. Azizan |
| 12. Mohamad Firdaus B. Mat Rashid, PJK | 34. Shahrudin B. Saad |
| 13. Ahmad Faizal B. Akashah | 35. Sohaimi B. Hamid |
| 14. Muhammad Yazid B. Che Ya | 36. Syaiful Afzan B. Ahmad |
| 15. Nor Farhana Bt. Zakaria | 37. Zaini B. Che Rus |
| 16. Siti Rafidah Bt. Hashim | 38. Mohd Redza Fahlawi B. Jamil |
| 17. Nor Afif Salam B. Nor Azam | 39. Muhammad Akram B. Mohammad Zulkifly |
| 18. Zulkifli B. Ishak | 40. Rusnita Bt. Mohd Isa |
| 19. Norziela Bt. Abdullah | 41. Muhammad Firdaus B. Abd Rahman |
| 20. Siti Norhashimah Bt. Hashim | 42. Nor Amira Syazwani Bt Azmi |
| 21. Rogayah Bt. Hashim | |
| 22. Muhammad Raqib B. Abd Rahman | |



Apakah jenis-jenis vaksin?

Jenis Vaksin	mRNA	Vektor virus	Virus nyahaktif
Kandungan utama dan bagaimana ia bertindak	Jujukan mRNA yang dimasukkan ke dalam sel individu bagi menghasilkan protein virus yang spesifik	Mengandungi virus yang telah diubah suai (vector) untuk menyampaikan kod genetik antigen. Ia menghasilkan protein sasaran oleh sel manusia	Virus yang telah dimatikan menggunakan suhu yang tinggi, bahan kimia atau radiasi
Fungsi 	Menggunakan molekul mRNA bagi merangsang imuniti agar mengenali protein pada virus yang disasarkan	Menggunakan virus pembawa (vektor) yang tidak merbahaya bagi menyampaikan bahan genetik virus sasaran supaya merangsangkan tindak balas imun manusia	Virus yang telah dimatikan dan digunakan untuk merangsang tindak balas imun manusia
Kelebihan 	<ul style="list-style-type: none"> Mudah dan cepat dihasilkan Tiada komponen hidup, dihasilkan secara sintetik Mencetuskan tindak balas adaptif imuniti 	<ul style="list-style-type: none"> Teknologi yang terbukti Mencetuskan tindak balas adaptif imuniti yang lebih berkesan 	<ul style="list-style-type: none"> Teknologi yang terbukti Sesuai untuk mereka yang mempunyai sistem imun yang lemah Mudah dihasilkan
Cabarani 	<ul style="list-style-type: none"> Sesetengah vaksin mRNA memerlukan keadaan penyimpanan sejuk lampau Pertama kali digunakan sebagai vaksin dalam sejarah perubatan manusia 	<ul style="list-style-type: none"> Proses penghasilan yang kompleks Penting untuk memastikan vektor virus yang digunakan adalah selamat 	Kos penghasilan yang tinggi
Contoh	Tiada	Ebola, Vaksin haiwan ternakan	Polio, Japanese Encephalitis & Rabies
Calon Vaksin 	<ul style="list-style-type: none"> Moderna Pfizer/BioNTech 	<ul style="list-style-type: none"> AstraZeneca CanSino Biologics Johnson & Johnson Sputnik V 	<ul style="list-style-type: none"> Sinovac

Analisis & kompilasi: Akademi Sains Malaysia


vaksincovid.gov.my

**LINDUNG DIRI,
LINDUNG SEMUA.**



**JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES
BEKALAN VAKSIN COVID-19 (JKJAV)**

Ragam MPSPK



1. Encik Mohd Amin Ali mengiringi Ketua Pusat Pembangunan Komuniti Lestari (SCDC) UiTM Shah Alam, Dr. Mohd Salleh Daim serta dua lagi wakil penilai meninjau persekitaran di Pantai Merdeka bagi penilaian semula Jerai Geopark di Kuala Muda.

24 orang telah mengangkat sumpah sebagai Ahli MPSPK. 2 lantikan bantu tadbir dan 22 lantikan terkini Ahli Majlis. Pelantikan dilakukan oleh YDP Tuan Haji Kamarul Zaman bin Sulaiman, Ahli Jawatankuasa Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Sungai Petani dan kakitangan ahli yang pada 18 Januari 2012 di depan mesyuarat kerajaan negeri di Kuala Muda.



Kelihatan Yang Berhormat Dato' Dr. Mohd Hayati bin Othman sedang melakukan persiapan akhir untuk proses khatan seorang peserta di program Berkhatan Perdana anjuran ahli majlis MPSPK Zon 10 Dr. Haji Mohd Ali Sulaiman di Wisma Amal Kedah, Lot 88 Sungai Petani.

2. YDP Tuan Haji Syed Khairol Anuar bin Syed Abidin kelihatan tenang menjawab soalan ketika sesi rakaman dan temubual oleh pihak media dari RTM untuk rancangan Selamat Pagi Malaysia.

3. Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Muda, Dr. Suziana Redzuan memberikan sijil penghargaan kepada salah seorang wakil perubatan di majlis penutupan PPV Taman Gurun Jaya.

4. YDP Tuan Haji Syed Khairol Anuar bin Syed Abidin menunjukkan sijil Anugerah Bandar Mampan yang diterima ketika majlis Executive Talk Perundangan Perancangan anjuran Plan-Malaysia di Raia Hotel, Alor Setar.

Info Direktori

Sekitar Sungai Petani

Jabatan Alam Sekitar (JAS)	044235633
Jabatan Kerja Raya (JKR)	044214040/42
Jabatan Pengairan & Saliran	044212209
Jabatan Pendaftaran Negara	044216391
Jabatan Penerangan	044211621
SADA Sg. Petani	044210848
Pejabat Daerah	044211963
Pejabat Tanah	044212122
IPD Daerah Kuala Muda	044236999
Aduan Jabatan Kerja Air	044217606
Biro Pengaduan Awam (Pulau Pinang)	042636893
Jab. Pertahanan Awam (JPAM)	044233193
Bomba Sungai Petani	044214444



Pantai Kampung Huma, Tanjung Dawai



IMBAS KOD QR

MPSPK

Majlis Perbandaran Sungai Petani
Sungai Petani Municipal Council
08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman

Tel | 604-429 6666 / 429 6700
Fax | 604-429 6655
Web | www.mpspk.gov.my
Email | admin@mpsck.gov.my

"TRANSFORMASI KE ARAH KECEMERLANGAN"

© Hakcipta Terpelihara 2021 MPSPK

Penerbitan ini boleh diterbit semula keseluruhan dan sebahagiannya bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hakcipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senasihah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Sungai Petani. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran berulis daripada Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Segala hasil penulisan dan fotografi adalah hak milik Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Diterbitkan oleh Bahagian Perhubungan Awam & Korporat, Majlis Perbandaran Sungai Petani.